

**LATIHAN SANGKUTAN PRP DARI FASILITI LATIHAN LIBERALISASI DENGAN  
HOSPITAL KERAJAAN DAN KLINIK KESIHATAN DI BAWAH KEMENTERIAN  
KESIHATAN MALAYSIA (KKM)**

Bagi Ahli Farmasi Berdaftar Provisional [*Provisionally Registered Pharmacist (PRP)*] yang sedang menjalani latihan di hospital swasta / farmasi komuniti / Institusi Pengajian Tinggi Awam / Swasta (IPTA/S), Lembaga Farmasi Malaysia (LFM) telah menetapkan keperluan agar PRP berkenaan turut perlu menjalani latihan sangkutan di fasiliti KKM (Hospital Pakar atau Jabatan Pesakit Luar di klinik kesihatan).

**PANDUAN KEPADA PEMILIK PREMIS/PRESEPTOR DI FASILITI LATIHAN  
LIBERALISASI BAGI PROSES PENYEDIAAN MOA**

1. Adalah tanggungjawab pemilik premis / Pengarah Hospital Swasta / Dekan Fakulti Farmasi untuk mendapatkan kebenaran Pengarah Kesihatan Negeri untuk membenarkan PRP dari premis masing- masing untuk menjalani latihan sangkutan di klinik kesihatan / hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pilihan masing- masing.
2. Bagi tujuan ini satu ***Memorandum of Agreement (MoA)*** perlu di tandatangi bersama Pengarah Kesihatan Negeri terlebih dahulu agar tidak menghadapi sebarang halangan daripada pihak Klinik Kesihatan.
3. [Template MoA](#), [Annexure A](#) dan [Annexure B](#) boleh dimuat turun dari laman web [www.pharmacy.gov.my](http://www.pharmacy.gov.my)
4. **TIGA (3)** salinan asal MoA, Annexure A dan Annexure B perlu di sediakan oleh pemilik premis dan kesemuanya perlu di tandatangi oleh pemilik premis dan Pengarah Kesihatan Negeri
5. Ketiga-tiga salinan asal MoA yang telah ditandatangani perlu dibayar ***Stamp Duty*** di Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)
6. Tarikh MoA ditampal *stamp duty* adalah tarikh perjanjian MoA. Tarikh tersebut perlu di-isi di ruang tarikh perjanjian di MoA
7. Salinan asal MoA yang telah di tandatangi dan di-*stamp duty* perlu di edarkan kepada:
  - a) Pengarah Kesihatan Negeri – **1 Salinan**
  - b) Pengarah Bahagian Lembaga Farmasi Malaysia – **1 Salinan**

c) Pemilik premis untuk simpanan sendiri

– 1 Salinan

8. Pemilik premis boleh mula menghantar PRP ke klinik kesihatan/hospital yang berkaitan selepas MoA ditandatangani oleh Pengarah Kesihatan Negeri dan di *Stamp Duty*
9. Preseptor di klinik kesihatan/hospital adalah bertanggung jawab untuk memberi latihan seperti yang dinyatakan dalam buku log di sepanjang tempoh latihan sangkutan dan membuat penilaian setelah selesai latihan sangkutan.
10. Waktu kerja, disiplin dan peraturan semasa latihan sangkutan adalah mengikut arahan preseptor dimana latihan sangkutan dijalankan.

**PANDUAN BAGI PENYEDIAAN HARD COPY MEMORANDUM OF AGREEMENT (MoA)**

1. Berdasarkan pandangan dari Pejabat Penasihat Undang-undang, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang bertarikh 29 Januari 2018, keseluruhan MoA perlulah disediakan dalam bentuk cetakan bagi menjaga keseragaman dan kesahihan maklumat-maklumat di dalam MoA tersebut. Panduan ini dikuatkuasa mulai **16 April 2018**.
2. [Template MoA](#) yang dimuat turun portal Program Perkhidmatan Farmasi adalah *computer fillable* dan kandungannya perlu diisi secara elektronik (tulisan tangan tidak dibenarkan).
3. MoA tersebut perlu disediakan dalam tiga (3) salinan dan dijilidkan tanpa *stapler* dengan **kulit keras (Hard Cover)** berwarna **biru tua** seperti di bawah:

